



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
IRSYAD AL-HUKMI**

**PERKARA: PANDANGAN FATWA BERKAITAN HIBAH BAGI HARTA  
YANG MASIH DALAM GADAIAN**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai **Hibah Bagi Harta Yang Masih Dalam Gadaian** dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Menurut pandangan ulama' Mazhab as-Syafie, hibah bagi harta yang masih dalam gadaian **termasuk harta bercagar** adalah tidak sah kerana elemen penyerahan milikan (قبض) serta elemen dominasi dan mengguna tanpa sekatan (تصرف) ke atas harta tersebut tidak dapat dipenuhi dalam syarat akad ijab dan qabul.
2. Ini merujuk pandangan Ibn. Qudamah RHM;

أن الهبة لا تجوز إلا مقبوضة ويروى ذلك عن النخعي والثوري والحسن بن صالح والعنبري والشافعي<sup>1</sup>.

Maksudnya: "Sesungguhnya hibah tidak harus kecuali diterima (barang hibah). Ini adalah pandangan Imam al-Nahkaie, Imam al-Thaury, Imam al-Hassan bin Soleh, Imam 'Ambary dan Imam al-Syafie".

3. Hibah bagi harta yang masih dalam gadaian juga tidak berlaku kerana pemilikan harta pemberi hibah dikategorikan sebagai pemilikan tidak sempurna (ملك الناقص). Hal ini disebabkan harta tersebut bukan sepenuhnya milikan pemberi hibah dan wujud kepentingan atau hak pemegang gadaian.

---

<sup>1</sup> Ibn. Qudamah, Kitab Al-Mughni, Jlid 6, halaman 251.

4. Oleh itu, hibah yang dilakukan ke atas pemilik harta gadaian dianggap sebagai sesuatu yang tidak memenuhi syarat pembentukan akad yang sempurna kerana tiada milikan penuh ke atas harta tersebut. Ini berdasarkan Qaidah Fiqhiyyah:

” لا يتم التبرع إلا بالقبض<sup>2</sup> ”

Maksudnya: “Tidak sempurna amalan kebajikan melainkan berlaku terimaan hak milik”.

Jabatan ini menasihati mana-mana pihak yang terlibat dalam isu ini agar lebih berhati-hati dalam memeterai sesuatu perjanjian supaya selari dengan kehendak Syariat.

Sekian, terima kasih.

Disahkan oleh;



**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,**  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.  
**MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

Tarikh: 18 September 2023 bersamaan 2 Rabiul Awal 1445

---

<sup>2</sup> Muhammad Sidqi bin Ahmad bin Muhammad al-Burnu, al-Wajiz fi Idaah Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah, Muassasah al-Risalah, 2014, halaman 376.